

TARIKH	6 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	33	RUANGAN	Setempat

Pengelola jemaah haji swasta

Hanya 25 syarikat sah

**Maiamalina Mohamed
Amin**

KUALA LUMPUR: Hanya 25 syarikat yang mendapat pengesahan untuk menawarkan pakej haji, malah semua mereka berdaftar di bawah Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembalaan Bumiputera Malaysia (Bumitra).

Pengerusi Bumitra, Mohd Ayub Hassan berkata, pihaknya mengesahkan kumpulan syarikat itu sebagai Pengelola Jemaah Haji Swasta dan sudah diberi lesen oleh Lembaga Tabung Haji (TH) untuk mengurus jemaah musim ini.

"Sekiranya ada syarikat yang menawarkan pakej haji, tetapi bukan daripada 25

syarikat PGH ini, maka jemaah perlulah berhati-hati kerana ada kemungkinan mereka berniat menipu dan bukan daripada pihak yang benar-benar mengurus jemaah.

"Jemaah boleh membuat pemeriksaan dengan TH bagi mengenal ejen yang sah kerana semua kelulusan ter-takluk kepada badan tunggal itu, malah jemaah yang mahu mengerjakan haji mengikut pakej swasta juga perlu menerusi mereka," katanya.

Ini bagi mengelak berlakunya kes penipuan berikut: tan bakal haji disogok taruhan pakej yang murah di samping giliran menunai-kan haji dengan lebih cepat.

Mengulas itu, Mohd Ayub berkata, pakej haji swasta

ditawar bersandarkan kriteria sewajarnya, malah mengikut apa saranan daripada TH.

"Prosedurnya adalah apabila ada bakal jemaah yang mahu mengerjakan haji, maka mereka perlu mendaftar haji dengan TH dan hanya apabila TH meluluskan serta membenarkan mereka mengikut pakej haji swasta barulah mereka akan ditawarkan kepada kami.

"Daripada 25 ejen mengurus ini, masing-masing tidak diberi kuota tertentu untuk membawa jemaah, semuanya bergantung kepada permintaan. Kadar pakej pula bermula antara RM16,000 dan RM17,000 malah hingga RM50,000 bergantung kepada hotel penginapan," katanya.